



**TEKS UCAPAN PENERUSI
MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN
PEMODENAN PENTADBIRAN AWAM (JPPPA)
BIL. 2 TAHUN 2021**

**DISEDIAKAN OLEH:
URUS SETIA MESYUARAT JPPPA
BAHAGIAN REFORMASI SEKTOR AWAM
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- 1) YANG BERHORMAT DATO' NOR AZMIE DIRON, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, SELAKU PENGANJUR BERSAMA BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMODENAN PENTADBIRAN AWAM (JPPPA) BILANGAN 2 TAHUN 2021;
- 2) YANG BERBAHAGIA
TIMBALAN-TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN;
- 3) YANG BERBAHAGIA
TIMBALAN-TIMBALAN KETUA PENGARAH;
- 4) YANG BERBAHAGIA
TIMBALAN-TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI;
- 5) YANG BERBAHAGIA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN AGENSI PUSAT; DAN
- 6) PEMBENTANG-PEMBENTANG KERTAS.

1. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA) Bilangan 2 Tahun 2021 dapat diadakan pada hari ini.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah agensi Pusat yang memegang portfolio Pengurusan dan Operasi di Kementerian dan Agensi masing-masing kerana sudi

meluangkan masa bagi menghadiri mesyuarat ini secara dalam talian. Juga kepada pihak urus setia yang telah berusaha bagi memastikan mesyuarat hari ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Kendatipun kita tidak bersua secara langsung, pendekatan secara maya ini tidak menghalang kita untuk tetap bermesyuarat dan bersua muka secara digital.

3. Untuk makluman semua, mesyuarat JPPPA ini dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun dengan kerjasama Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri terpilih secara bergilir sebagai salah satu usaha untuk mengeratkan jalinan kerjasama di antara MAMPU dan Pejabat-pejabat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri.

4. Dalam hubungan ini, MAMPU telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi penganjuran Mesyuarat JPPPA Bilangan 2 Tahun 2021 secara maya sepenuhnya dalam suasana norma baharu, berikutan situasi penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara yang bermula pada tahun lalu.

PENGADAPTASIAN NORMA BAHARU DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

YBhg. Datuk Seri/ YBhg. Dato' Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./tuan/puan yang saya hormati,

5. Perkhidmatan awam di Malaysia pada hari ini berdepan dengan situasi yang mencabar dari aspek penyampaian perkhidmatan berikutan penularan wabak COVID-19 yang masih lagi menjadi ancaman di seluruh dunia. Sejak bermulanya pandemik ini pada tahun lepas sehingga kini,

pelbagai inisiatif dan langkah-langkah kawalan telah dilaksanakan oleh kerajaan berkaitan pengurusan kesihatan awam dan ekonomi negara serta bagi memastikan masyarakat mengadaptasi dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan.

6. Kerajaan telah mengadakan kawalan dari aspek pergerakan rakyat melalui Perintah Kawalan Pergerakan sehingga ke Pelan Pemulihan Negara agar penularan wabak COVID-19 dapat dibendung. Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure - SOP*) juga telah disediakan bersesuaian dengan tahap kawalan yang dilaksanakan. Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi memastikan agar rakyat Malaysia mendapat perlindungan daripada wabak ini. Bagi mengimbangi ekonomi pula, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan agar kilang-kilang serta sektor-sektor perniagaan terus beroperasi mengikut SOP yang telah ditetapkan agar rantai bekalan di pasaran tidak terputus.

7. Hasil daripada usaha-usaha berterusan ini, kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di Malaysia telah mencapai tahap 90% dan negara kini sedang menuju ke arah fasa endemik. Pergerakan merentas negeri telah dibenarkan semula mulai 11 Oktober 2021 bagi semua rakyat Malaysia. Namun di sebalik kelonggaran yang diberikan ini, rakyat perlu meneruskan hidup bersama virus COVID-19 dan perkara ini menuntut agar rakyat terus mematuhi SOP serta meningkatkan penilaian sendiri demi melindungi Keluarga Malaysia.

8. Dalam aspek penyampaian perkhidmatan, Kerajaan sentiasa mencari jalan bagi memastikan agar perkhidmatan terbaik dapat terus

diberikan kepada rakyat dan juga pengguna. Dalam aspek ini, Kerajaan melihat aspek pendigitalan dan inovasi sebagai pendekatan yang perlu diberi perhatian dalam merangka penyelesaian baharu bagi menyediakan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan rakyat.

9. Penggunaan teknologi digital sesungguhnya telah banyak membantu agensi Kerajaan dalam mendepani cabaran akibat penularan COVID-19. Biarpun penjawat awam terpaksa menjalankan tugas melalui kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) susulan daripada kawalan pergerakan yang diperkenalkan, tugas-tugas hakiki pegawai masih dapat dilaksanakan melalui emel di rumah dengan pengawasan oleh penyelia-penyelia dan Ketua-Ketua Jabatan. Mesyuarat-mesyuarat penting Kerajaan masih dapat diteruskan secara atas talian, baik melalui aplikasi *Icewarp* ataupun medium komunikasi yang lain. Program-program besar seperti majlis-majlis pelancaran dan persidangan secara maya juga turut dilaksanakan. Di peringkat MAMPU sendiri, Persidangan Digital Sektor Awam telah berjaya diadakan pada 19 Ogos 2021 secara dalam talian sepenuhnya. Kaedah kerja secara dalam talian ini masih boleh diteruskan pasca pandemik COVID-19 mengikut kesesuaian dan diperkasakan agar lebih efisien dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

10. Bagi agensi-agensi Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kaunter pula, pelbagai perkhidmatan secara dalam talian telah disediakan bagi mengurangkan kontak antara petugas kaunter dan pelanggan. Perkhidmatan dalam talian berbentuk *End to End* (E2E) telah dimulakan bagi mengatasi segala keterbatasan perkhidmatan secara fizikal. Melalui kaedah ini, perkhidmatan Kerajaan boleh diperolehi secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, pada bila-bila masa dan di mana jua. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa kekangan tidak dapat

berada di Pejabat dan penularan pandemik COVID-19 bukanlah penghalang kepada agensi Kerajaan dalam memberi perkhidmatan terbaik dan secara berterusan kepada rakyat.

11. MAMPU akan sentiasa berusaha untuk memastikan agar jentera Kerajaan yang lain bersedia untuk berhadapan gelombang digital dalam aspek penyampaian perkhidmatan. Antaranya, pihak MAMPU telah menyediakan kemudahan dan juga dasar berkaitan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam dan Pusat Data Sektor Awam agar kapasiti perkhidmatan secara digital sektor awam dapat dipertingkatkan.

12. Justeru, semua pihak digesa mengaplikasikan *Business Process Reengineering* atau Perekayasaan Proses untuk meneliti keperluan serta menilai semula prosedur kerja semasa supaya penambahbaikan dapat dibuat bagi meningkatkan kualiti dan masa penyampaian perkhidmatan. Penerapan pengurusan perubahan amatlah penting dalam menetapkan dasar dan hala tuju tadbir urus organisasi terutama dalam konteks pandemik COVID-19 ini.

ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 100 HARI PERTAMA AHLI JEMAAH MENTERI

Sidang mesyuarat yang saya hormati,

13. Selain ancaman pandemik COVID-19, perkhidmatan awam di Malaysia juga mendepani cabaran dari aspek politik di mana perubahan iklim politik telah membawa kepada pertukaran Kerajaan sebanyak dua kali selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018. Namun selaku penjawat awam, kita sentiasa bersifat neutral dan memastikan agar kita memberikan perkhidmatan terbaik kepada Kerajaan semasa.

14. Berkait dengan perkara ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2021 telah bersetuju agar Ahli Jemaah Menteri membentangkan laporan prestasi setiap aspirasi masing-masing bagi 100 hari pertama Pentadbiran Kerajaan di bawah YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Terdapat enam (6) Teras Utama iaitu:

- i. Menstruktur Semula Ekonomi;
- ii. Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Negara;
- iii. Meningkatkan Kesejahteraan Sosial;
- iv. Mempertingkatkan Infrastruktur Menyeluruh;
- v. Memperkukuh Penyatuan dalam Acuan Keluarga Malaysia; dan
- vi. Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan.

15. Dalam hubungan ini, Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU) telah bertindak sebagai penyelaras bersama bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan setiap aspirasi Keluarga Malaysia oleh Ahli Jemaah Menteri dapat dijayakan dengan cemerlang. Prestasi setiap Ahli Jemaah Menteri akan dinilai berdasarkan tiga (3) elemen utama iaitu:

- i. Penilaian Prestasi Kementerian/Jabatan;
- ii. Penilaian Kepimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif; dan
- iii. Penilaian Persepsi Awam terhadap Ahli Jemaah Menteri dan Kementerian/Jabatan di bawah tanggungjawab mereka.

16. Ahli Jemaah Menteri juga diarahkan untuk mengumumkan Kad Laporan Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari ini kepada rakyat, bagi menilai pencapaian pretasi Menteri dan Kementerian demi kesejahteraan Keluarga Malaysia. Kerajaan meletakkan pencapaian aspirasi tersebut bagi setiap Ahli Jemaah Menteri sebagai keutamaan tertinggi bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

17. Dalam hal ini, saya amat mengalu-ngalukan kerjasama erat di antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dapat dipupuk dan disemai seiring dengan hasrat aspirasi Keluarga Malaysia seperti yang diiltizamkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Sebagai jentera Pentadbiran Kerajaan baik diperingkat Persekutuan mahupun negeri, kita sentiasa dituntut untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

18. Justeru aspirasi untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan sedia ada perlu disambut dengan berlapang dada agar dapat dilaksanakan secara positif dan bersistematik. Dalam memastikan agar usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan ini memberi makna dan manfaat kepada pengguna dan juga rakyat, semua agensi Kerajaan perlu meneliti penambahbaikan dari pelbagai aspek termasuk dari segi memudahkan proses dan prosedur kerja melalui kaedah *business process re-engineering*, inovasi, pengurusan perubahan (*change management*) dan seterusnya penggunaan teknologi digital bagi memudahkan perkhidmatan tersebut disampaikan kepada pelanggan.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

YBhg. Datuk Seri/ YBhg. Dato' Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./tuang/puan yang saya hormati,

19. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) merupakan agenda besar pemulihan negara. Kerajaan sedar bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah cara agensi Kerajaan dan juga perniagaan beroperasi serta kaedah manusia berinteraksi. Ia juga telah mempercepat dan meningkatkan penggunaan teknologi digital. Pandemik ini turut melebarkan jurang ketidaksamarataan dan ketidakseimbangan sosioekonomi.

20. Melalui RMKe-12 ini, Kerajaan memberi penekanan kepada tiga tema iaitu (i) Menjana semula ekonomi; (ii) Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti; dan (iii) Melonjakkan kemampuan. Pencapaian sasaran bagi setiap tema ini pula disokong oleh empat pemangkin dasar seperti berikut:

- i. Pemangkin dasar 1: Membangunkan bakat masa hadapan;
- ii. Pemangkin dasar 2: Mempercepat penerimaan teknologi dan inovasi;
- iii. Pemangkin dasar 3: Menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan; dan
- iv. Pemangkin dasar 4: Memperkukuh perkhidmatan awam.

21. Pemangkin dasar 4 bagi memperkukuh perkhidmatan awam merupakan usaha Kerajaan untuk menyokong semua tema dan pemangkin dasar yang lain. Sektor awam juga perlu membuat keputusan berpaksikan rakyat, mempercepat pelaksanaan projek serta menyelaras

dan meningkatkan kerjasama antara tiga peringkat kerajaan. Usaha-usaha ini sebenarnya ini telah pun dimulakan dalam tempoh RMKe-11.

22. Dalam tempoh RMKe-12, Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih untuk membangunkan sektor awam yang berkesan dan bertanggungjawab bagi memenuhi harapan rakyat yang semakin meningkat disebabkan oleh kemajuan teknologi serta bertambahnya kumpulan pendapatan penengah dan perubahan demografi dalam masyarakat. Sektor awam perlu menjadi lebih cekap dengan mempercepat pendigitalan dan memupuk inovasi, selaras dengan keperluan untuk menyesuaikan kebiasaan baharu yang berpunca daripada pandemik COVID-19.

23. Usaha untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan sektor awam diperincikan dalam Bab 13 RMKe-12 melalui tiga bidang keutamaan iaitu membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek.

24. Di bawah RMKe-12, kapasiti dan keupayaan agensi pusat, iaitu JPA, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan diperkasa untuk menjayakan transformasi dan memastikan penggunaan sumber yang lebih optimum. Budaya digital akan diterapkan dalam peringkat awal kerjaya seorang penjawat awam dan kemahiran menangani perubahan akan diperkenalkan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan penggunaan perkhidmatan digital.

25. Kerajaan juga akan menggunakan sistem *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI) bagi memantau pencapaian Petunjuk prestasi utama (KPI) dalam kalangan Ketua Setiausaha kementerian. Antara aspek yang dinilai termasuklah dari segi pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan oleh kementerian ke aras mencapai tadbir urus yang baik.

26. YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Usul mengenai Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025, bertemakan “Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan” di Dewan Rakyat pada 27 September 2021, telah menggariskan bahawa “pendigitalan perkhidmatan awam akan terus dipertingkatkan. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang baru dilancar menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital”.

27. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan dalam talian peringkat awal ke akhir atau *end-to-end* kepada 80 peratus pada tahun 2025. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan berkenaan pembangunan rangka dasar tadbir urus data nasional untuk menggalakkan perkongsian data antara sektor awam dan swasta yang lebih meluas. Dalam hubungan ini, tiga (3) perkara yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan tersebut akan diterajui oleh MAMPU sebagai agensi peneraju pemodenan tadbiran Kerajaan melalui inovasi dan pendigitalan.

28. Kerajaan komited dalam memastikan agar inisiatif pendigitalan sektor awam dapat diteruskan. Di bawah RMKe-12, penyediaan infrastruktur digital melibatkan pelaburan sektor awam dan swasta bernilai RM28 billion telah dirancang bagi menambah baik rangkaian liputan 4G sedia ada. Pelaburan tambahan sebanyak RM15 billion dari pihak swasta juga diharap akan mempercepatkan pelaksanaan rangkaian 5G di seluruh negara. Di samping itu, Kerajaan turut komited untuk meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan digital bagi menangani pelbagai jurang digital. Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA bakal menyediakan 100 peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk, liputan 5G yang lebih luas dan jalur lebar talian tetap kepada sembilan juta premis menjelang tahun 2025, seterusnya bagi menyokong pencapaian sasaran 25.5 peratus sumbangan ekonomi digital kepada KDNK pada tahun 2025.

29. Sehubungan itu, saya menyeru kerjasama daripada semua agensi baik diperingkat Kerajaan Persekutuan mahupun Negeri untuk bersama-sama merealisasikan agenda nasional ini. MAMPU amat memerlukan bantuan dan kerjasama yang erat daripada semua dalam usaha untuk memastikan perkara yang diaspirasikan oleh kepimpinan tertinggi negara mencapai objektif yang dihasratkan, seterusnya memberikan outcome dan impak yang diharapkan kepada rakyat.

PERANAN MAMPU DALAM MEMASTIKAN KELESTARIAN KECEMERLANGAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Sidang mesyuarat yang saya muliakan,

30. MAMPU sentiasa komited dalam memacu pemodenan dan pendigitalan sektor awam dengan memastikan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar, peningkatan tahap kepuasan pelanggan, kecekapan dan pengurangan kos dalam penyampaian perkhidmatan serta kecemerlangan prestasi sektor awam keseluruhannya adalah lestari dan ditunjangi dengan inovasi dan pendigitalan. Seiring dengan Rancangan Kerajaan di bawah RMKe-12, MAMPU akan terus memantau pelaksanaan PSPSA 2021-2025 agar ianya dapat mencapai hasrat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

31. Bagi usaha peningkatan perkhidmatan *end-to-end*, berdasarkan libat urus berterusan yang dilaksanakan oleh MAMPU, jumlah bilangan perkhidmatan sektor awam telah meningkat daripada 10,863 pada 31 Julai 2020 kepada 11,169 sehingga 31 Julai 2021. Perbezaan jumlah bilangan perkhidmatan ini disebabkan oleh pelarasan semula mod perkhidmatan. Dalam tempoh yang sama juga, terdapat peningkatan ketara dalam peratus perkhidmatan E2E iaitu sebanyak 17.36% daripada 39.66% (3,982 perkhidmatan) kepada 57.02% (6,369 perkhidmatan).

32. Sehingga 31 Julai 2021, Kerajaan Negeri menyumbang sebanyak 3,307 perkhidmatan E2E berbanding Kerajaan Persekutuan 3,062 perkhidmatan E2E. Purata keseluruhan perkhidmatan E2E bagi 27 kementerian (Kerajaan Persekutuan) meningkat kepada 75.64%. Trend peningkatan ini juga dicatatkan oleh 13 PSUK (Kerajaan Negeri) iaitu peningkatan kepada 57.85% berbanding 34.23% pada 31 Julai 2020.

33. Di samping itu, MAMPU juga berperanan sebagai urus setia bagi Kluster Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara. Kluster tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara.

34. MAMPU juga merupakan agensi peneraju bagi Teras 1: Memacu transformasi digital sektor awam di bawah Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Teras 1 ini bertujuan untuk memacu sektor awam ke arah menjadi kerajaan digital melalui pemanfaatan teknologi, data dan kecerdasan digital, peningkatan set kemahiran penjawat awam dan peningkatan kualiti perkhidmatan dalam talian. Bagi menggalas tanggung jawab ini, MAMPU akan diperkasakan sebagai sebuah Jabatan Teknik.

35. Pada tahun ini MAMPU telah mengeluarkan beberapa dokumen dasar baharu sebagai panduan seluruh sektor awam seperti berikut:

- (i) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2021 Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam;
- (ii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2021 Dasar Perkongsian Data Sektor Awam;
- (iii) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 1 Tahun 2021 Garis Panduan Perkhidmatan Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA);
- (iv) Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2021 Pelaksanaan Modul Data Perjawatan - Submodul MyPortfolio Dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS); dan

- (v) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2021 Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam.

36. Justeru, suka untuk saya tekankan di sini bahawa kejayaan usaha untuk memodenkan penyampaian perkhidmatan awam merupakan suatu usaha kolaboratif daripada semua pihak, baik di peringkat Kementerian, Jabatan mahupun negeri. Oleh yang demikian, marilah bersama-sama kita memanfaatkan rangkaian yang kita bina ini bagi kemaslahatan rakyat dan negara keseluruhannya.

MESYUARAT JPPPA SEBAGAI PLATFORM AGENDA PEMERKASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Datuk Seri/ YBhg. Dato' Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./tuan/puan yang saya hormati,

37. Untuk makluman semua, Mesyuarat JPPPA yang diadakan dua (2) kali setahun ini menghimpunkan semua agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri dengan satu tujuan, iaitu untuk kita bersama-sama menghayati, membincangkan dan berkongsi inisiatif pembaharuan penawaran perkhidmatan awam yang sedang atau yang akan dilaksanakan untuk diaplikasikan di agensi masing-masing.

38. Mesyuarat JPPPA ini berperanan sebagai platform perkongsian maklumat untuk membincangkan keberkesanan usaha-usaha pembaharuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Ia juga merupakan platform terbaik untuk membincangkan strategi perkongsian pintar dalam melaksanakan program pentadbiran dan aktiviti pemodenan pentadbiran awam dan membolehkan ahli-ahli mesyuarat

melihat dengan lebih dekat pelaksanaan usaha-usaha transformasi dan pemodenan di peringkat agensi pelaksana di negeri-negeri.

39. Saya difahamkan bahawa terdapat Sembilan (9) kertas yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat JPPPA kali ini. Kertas-kertas tersebut adalah:

- (i) SUK Selangor – Smart Selangor;
- (ii) SUK Selangor (Majlis Bandaraya Shah Alam) - **akan dimaklumkan kemudian;
- (iii) SUK Terengganu (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) - Prosedur Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang Untuk Permohonan Kategori Kecil Dan Mudah Dalam Tempoh 48 Jam (Prosedur KM48) Di Bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;
- (iv) SUK Terengganu (Bahagian Perumahan) - Rumah Darul Iman (RAHMAN) Rumah Selesa Rakyat Sejahtera;
- (v) SUK Melaka (Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)) - MBMB Menang Anugerah Antarabangsa Berprestij *Jean Paul L'allier Prize for Heritage* Anjuran *Organization of World Heritage Cities* (OWHC) di Quebec, Canada;
- (vi) Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) – Inisiatif-Inisiatif Yang Dilaksanakan Sewaktu Pandemik COVID-19 Bagi Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan;
- (vii) SUK Pulau Pinang – Polisi Mewajibkan Penggunaan Perkhidmatan e-Pembayaran Sebagai Salah Satu Platform Terimaan Hasil Bagi Semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

- (viii) MAMPU – Persidangan Digital Sektor Awam 2021 (PDiSA);
dan
- (ix) MAMPU - Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA).

40. Dalam hubungan ini, saya menyeru kepada semua ahli mesyuarat agar memanfaatkan sesi ini bagi mendapatkan penjelasan dan ambil seberapa banyak ilmu yang boleh diambil.

YBhg. Datuk Seri/ YBhg. Dato' Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./tuan/puan yang saya hormati,

41. Seperti YBhg. Datuk Seri/ YBhg. Dato' Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/YBrs. Dr./tuan/ puan sedia maklum, kerajaan menyasarkan peralihan daripada fasa pandemik kepada endemik. Peralihan fasa endemik ini bergantung kepada situasi semasa jangkitan COVID-19 dan pematuhan rakyat terhadap prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh peralihan.

42. Justeru, saya menyeru agar kita sentiasa menjaga diri dan keluarga dan seluruh masyarakat tanpa mengira darjat, pangkat mahupun latar belakang bangsa agar terhindar daripada jangkitan wabak COVID-19 ini.

43. Akhir kata, saya berharap semua ahli JPPPA dapat memanfaatkan perkongsian hari ini sepenuhnya dan memastikan setiap dari kita bersedia untuk beralih ke ekonomi digital dengan kefahaman yang jitu berkenaan aspek '*business requirement*' dan pemboleh dayanya. Walaupun Jabatan Persekutuan dan Negeri mungkin memainkan peranan yang berbeza

tetapi kita harus tetap senada dan sehaluan sebagai agensi awam yang komited untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan masing-masing.

Selanjutnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, selaku Penganjur Bersama bagi Mesyuarat JPPPA Bilangan 2 Tahun 2021 untuk menyampaikan ucapan alu-aluan. Dipersilakan.